

# MAJLIS PEMAKAIAN SAYAP PENERJUNAN DAN PENUTUP KURSUS TERJUN BEBAS TEMPUR TUDM SIRI 40/2019 SLTT BUKIT IBAM SERTA SESI DIALOG BERSAMA AKS TADBIR

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4702-majlis-pemakaian-sayap-penerjunan-dan-penutup-kursus-terjun-bebas-tempur-tudm-siri-40-2019-slitt-bukit-ibam-serta-sesi-dialog-bersama-aks-tadbir](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4702-majlis-pemakaian-sayap-penerjunan-dan-penutup-kursus-terjun-bebas-tempur-tudm-siri-40-2019-slitt-bukit-ibam-serta-sesi-dialog-bersama-aks-tadbir)

BUKIT IBAM, 21 Mac 19 – Sekolah Latihan Tempur TUDM Bukit Ibam telah mengadakan Majlis Pemakaian Sayap Penerjunan, Penutup Kursus Terjun Bebas Tempur TUDM Siri 40/2019 dan Sesi Dialog bersama Asisten Ketua Staf Tadbir, Brig Jen Dato Ahmad bin Abd Rahman TUDM di Padang Kawad SLTT.

Seramai 13 anggota LLP menyertai Kursus Terjun Bebas Tempur TUDM siri ini dan 18 anggota penerjunan bersama senjata serta peralatan telah dilaksanakan dengan jayanya. Majlis yang dimulakan dengan upacara pemakaian sayap penerjunan dan penyampaian sijil kepada penuntut kursus telah disempurnakan oleh AKS Tadbir.

Penuntut kursus terbaik disandang oleh Kpl U Mohd Syarafudin bin Malasin. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada Asisten Ketua Staf Tadbir. Selepas selesai majlis penutupan kursus ini, acara seterusnya berlangsung di Dewan Seri Ibam SLTT untuk Sesi Dialog bersama AKS Tadbir.

Turut hadir Pegawai Memerintah SLTT, Lt Kol Jafridin bin Bahari TUDM dan wakil Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, Lt Kol Meor Ahmad Kamal bin Meor Ahmad Tarmizi TUDM.



